

Logik Fikiran Bantu Buat Keputusan

ahiman, Ismail

RGAN penting dalam diri manusia ialah otak. Otak berada dalam dua bentuk yakni secara fizikal dan secara kimia. Otak yang dinamakan otak dan secara kimia dinamakan minda, akal atau n. Otak dalam bentuk fizikal tidak berhubung dengan apa-apa yang berlaku di dalam otak. Otak manusia berfungsi organ yang mengkoordinasi fungsi organ dan tindak balas spontan berdasarkan kebiasaan.

Manusia menerima segala ilmu yang ada dalam bentuk idea. Akal dalam bentuk ini merupakan asas utama kepada fikiran manusia. Lantaran itu, akal yang bersifat logik digunakan untuk kebaikan

akan menjadikan seseorang itu mulia dan berjaya dalam apa jua perkara yang ingin dilakukannya.

Sebaliknya, akal yang membawa manusia kepada keburukan akan meletakkan manusia lebih hina berbanding haiwan. Kesedaran manusia disebabkan mereka menggunakan akal yang diarahkan untuk tujuan negatif akan menyebabkan mereka binasa dan hina. Mereka berfikir bagaimana ingin melakukan perkara yang mendatangkan keburukan kepada diri sendiri dan orang lain. Biasanya, kesan buruk kepada diri sendiri dilakukan tanpa sedar atau kerana terpengaruh ajakan kawan sehingga tidak dapat melepaskan diri daripada perbuatan itu.

Terdapat falsafah atau seni berfikir yang dinamakan logik atau dikenali dalam kalangan ilmuwan Islam sebagai mantik. Kaedah berfikir secara logik telah muncul sejak kurun ke-5 Sebelum Masihi di Yunani. Antara tokoh awal ilmu logik termasuklah Socrates, Plato, dan Aristotles. Kaedah pemikiran logik pada ketika itu banyak digunakan dalam seni bina dan pidato, selain mencari penyelesaian isu dan keperluan semasa. Aristotles terkenal sebagai "Bapa Logik" yang menjadikan beliau ahli falsafah terkenal sehingga sekarang. Beliau merupakan orang pertama yang membentangkan cara berfikir yang teratur dalam suatu sistem. Ilmu mantik atau logik iaitu suatu ilmu yang membahaskan tentang

pemikiran dan apa-apa yang tergambar dalam akal pemikiran manusia supaya diterjemahkan menjadi teori yang benar dan mengelak dari berfikir yang salah. Ilmu mantik sering digelar ibu segala ilmu atau dikatakan ilmu dari segala yang benar.

Secara tuntasnya, mantik dilaburkan suatu yang membicarakan tentang kaedah yang dapat memandu manusia ketika berfikir dan mereka melahirkan pemikiran bersesuaian dengan ucapan serta dapat menapis maklumat-maklumat yang diterima sama ada sah atau tidak sah. Ilmu mantik bermanfaat untuk menajamkan daya pemikiran seseorang melalui latihan berfikir dan menganalisis serta mengungkap

permasalahan secara ilmiah. Ilmu mantik juga membuat seseorang menjadi mampu meletakkan sesuatu pada tempatnya dan mengerjakan sesuatu pada waktunya. Ilmu mantik juga membuat seseorang mampu membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Mempelajari ilmu mantik juga menjadikan seseorang bijak berfikir dan berhubung. Mereka akan mempunyai hujah tersendiri untuk berdebat serta membidas kata-kata yang tidak masuk

akal dan tidak mudah diperbodoh-bodohkan oleh individu lain. Ilmu mantik menekankan penggunaan akal logik iaitu manusia menggunakan ilmu untuk mencari kebenaran, seterusnya memilih mana-mana yang baik diikuti serta menjauhi dan meninggalkan perkara buruk.

Walaupun manusia mempunyai akal dan sentiasa menggunakannya, sama ada dalam menjalani urusan kehidupan atau untuk mencari kebenaran, namun begitu, tidak semestinya hasil pemikiran



Psychology - Counselling

Fig = 42 - 44

CP : 0000274672



mereka menepati tujuan sebenar serta mencapai matlamat yang dimaksudkan dan diinginkan.

Sebagai contoh, apabila melihat awan tebal yang hitam di langit, manusia memikirkan dan menjangkakan hujan akan turun. Namun begitu, tanggapan akal semata-mata berdasarkan faktor awan hitam yang tebal tidak semestinya dapat menghasilkan keputusan yang benar dan tepat. Kadang-kadang hujan tidak turun walaupun pada kebiasaannya awan tebal yang menandakan atau menyebabkan hujan turun.

Maka, kita perlu memahami logik itu berdasarkan kepada pengalaman lalu, mahupun berdasarkan kepada kajian saintifik berkaitannya. Atas sebab itu, peribahasa kita ada menyebut, "kalau mendengar guruh di langit, air di tempayan jangan dicurahkan". Nenek moyang kita menggunakan kiasan yang mendalam biarpun perkara lain ingin dinyatakan, tetapi apa-apa yang dinyatakan itu ada kebenarannya kerana mereka pemerhati yang akrab dengan alam.

Ilmu mantik membantu kita mengenal pasti perkara benar atau tidak berdasarkan kepada bukti atau fakta sebelumnya. Umpamanya, untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran, telah ada panduan atau pengalaman pelajar sebelumnya. Pendidik dan guru juga ada menasihatkan pelajar cara untuk berjaya. Tentunya turut dijelaskan tentang sikap dan amalan buruk dilakukan pelajar yang gagal dalam pelajaran.

Oleh itu, pelajar boleh menjadikan panduan untuk berjaya dan mengelak perbuatan yang boleh menyebabkan kegagalan. Sebenarnya tidak sukar untuk menganalisis dan mengambil keputusan berkaitan perkara yang jelas dan telah berulang-ulang buktinya. Bagaimanapun masih ada yang tidak mahu melakukan perkara yang sepatutnya untuk berjaya. Hal ini bukan berkaitan ketidakupayaan untuk mengambil keputusan tepat, tetapi lebih kepada sikap buruk yang telah lama tertanam dalam diri termasuklah malas, tiada keyakinan diri, dan tidak kisah mengenai masa depan.

Begitu juga dalam tindakan mendatangkan keburukan seperti pengambilan dadah dan merokok. Pelakunya bukan tidak tahu kesan buruk tindakan itu, namun begitu, mereka gagal membuat keputusan untuk menjauhkan perbuatan itu. Kegagalan membuat keputusan tepat biasanya dikaitkan dengan tiada kekuatan fikiran untuk mengatakan tidak kepada punca bermula atau berterusan amalan itu.

Latihan kekuatan mental untuk cenderung melakukan kebaikan dan menjauhkan tindakan membawa kepada keburukan perlu dilakukan secara berterusan dalam semua perkara. Oleh itu, jangan pandang mudah kepada usaha melakukan kebaikan biarpun perkara kecil termasuklah memberi senyuman, dan memberi tempat duduk dalam kenderaan awam kepada orang tua. Begitu juga jangan mengangap perkara kecil apabila melakukan perbuatan buruk termasuklah membuang sampah bukan

pada tempatnya, tidak menepati masa dan bercakap bohong.

Perbuatan mudah yang mendatangkan kebaikan yang dilakukan berulang-ulang akan mendorong kita melakukan perkara baik lain yang lebih bererti dan penting. Begitu juga kebiasaan melakukan perkara buruk, biarpun kecil lama-lama akan mendorong melakukan perbuatan buruk lebih besar. Ada peribahasa menyebut "siakap senohong gelama lama mencuri", yang mengingatkan kita jangan melakukan perkara buruk kerana perbuatan itu akan diikuti dengan perbuatan buruk lain yang lebih teruk lagi.

Apa-apa saja mengenai diri kita adalah bermula dengan apa yang kita fikirkan. Permulaan kebaikan dalam diri bermula dengan cara kita berfikir, manakala kesilapan cara berfikir memberi padah yang buruk kepada diri kita. Maka sebab itu amat penting kita memahami kaedah berfikir.

Biarpun berfikir itu nampak mudah kerana kita melakukan setiap masa, tetapi berfikir secara betul memerlukan latihan dan amalan berterusan. Kita tentu pernah mendengar istilah kreatif, kritis, analisis, panjang akal, panik, mudah mengaku kalah dan beberapa istilah lain yang sebenarnya menggambarkan cara berfikir. Keupayaan dan cara berfikir itu dikuasai melalui latihan berterusan dan pengalaman yang dilalui.

Oleh itu, amat rugi bagi orang yang mengungkapkan kata-kata bahawa dirinya malas untuk berfikir atau fikiran lembab. Akal boleh diumpamakan seperti logam yang perlu sentiasa digilap untuk nampak bersinar. Proses mengilap akal adalah dengan banyak berfikir atau menggunakan fungsi akal agar sentiasa aktif.

Minda yang hebat mampu melahirkan manusia yang super hebat yang terserlah kelebihannya berbanding dengan orang lain. Manusia yang super hebat mampu membawa perubahan atas muka bumi bukan sahaja untuk dirinya, keluarga dan masyarakat malah untuk manusia sejagat, termasuk keseluruhan kehidupan di alam ini.